

| | |
|-----------|-------------------|
| Newspaper | BERITA HARIAN |
| Date | 24 SEPTEMBER 2016 |

Kerajaan umum tambah baik tadbir urus Felda: PM

BH - 24/9/2016

➔ Transformasi tingkat kehidupan peneroka, generasi baharu

Oleh Abdul Razak Raaff dan Nik Syukri Ramli
bhnews@bh.com.my

► Maran

Kerajaan akan mengemukakan langkah penambahbaikan tadbir urus Felda dalam masa terdekat bagi kelangsungan kemajuan dan pembangunan peneroka pada masa depan, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, walaupun Felda sudah banyak melakukan transformasi sejak penubuhannya 60 tahun lalu, tetapi penambahbaikan secara berterusan penting untuk me-

ningkatkan pembangunan dan kualiti kehidupan masyarakat peneroka termasuk generasi baharu Felda ke tahap lebih baik.

Terima pandangan

Beliau berkata, Makmal Memperkasakan Hala Tuju Kumpulan Felda yang ditubuhkan 4 September lalu menerima sehingga 300 pandangan dan cadangan daripada pelbagai pihak termasuk peneroka dan ia akan dibincangkan secara terperinci sebelum kerajaan mengumumkan langkah penambahbaikan itu.

“Banyak perkara saya dengar, ada yang buat memorandum dan jumpa saya maklumkan buah (kelapa sawit) sudah diambil tetapi bayar lambat, buat rumah tetapi mahal, kutip buah tetapi ada lagi masih bersepah, nyata tak lengkap serta lambat keluar.

“Sebab itu kita buat makmal dan bincang secara mendalam, kemudian kita akan rumus serta umumkan tidak lama lagi apa yang boleh ditambah baik tadbir urus Felda supaya war-

ganya terus mendapat lebih banyak manfaat,” katanya ketika merasmikan Sambutan Hari Peneroka Kebangsaan 2016 Ke-60 di Stadium Tun Abdul Razak, Jengka, dekat sini, semalam.

Najib turut merasmikan stadium berkenaan dan melancarkan modul Gerakan Kesejahteraan Keluarga (GKK) yang diberi penambahbaikan dan pembaharuan untuk mewujudkan warga peneroka berjaya pada masa depan.

Yang turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob, Pengerusi Felda, Tan Sri Mohd Isa Samad, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Razali Ibrahim dan Pengerus Besar Felda, Datuk Hanapi Suhada.

15,000 peneroka hadir

Kira-kira 15,000 peneroka Felda dari seluruh negara hadir memeriahkan sambutan Hari Peneroka yang bertemakan ‘Mensyukuri Nikmat: Kebersamaan dan Kebersatuan’.

Sementara itu, Najib berkata, Felda berada pada kelas ter-

sendiri apabila diiktiraf sebagai organisasi pembangunan tanah paling berjaya di dunia dan sukar disaingi negara lain.

Beliau berkata, kejayaan organisasi berusia 60 tahun yang objektifnya menyediakan tanah dalam usaha membantu meningkatkan taraf ekonomi masyarakat luar bandar keluar daripada kemiskinan dikagumi kebanyakan pemimpin negara terutama dari Afrika.

“Ramai pemimpin kerajaan datang ke Malaysia dibawa melawat tanah Felda dan mereka kagum dengan pencapaian serta keberkesannya dan berhasrat melaksanakannya di negara masing-masing.

“Kita juga menghantar rombongan pegawai Felda ke sana untuk membantu mereka membuat projek sama, namun tidak menjadi dan gagal, tidak seperti usaha kerajaan Barisan Nasional (BN) sehingga Felda dan peneroka banyak mencatatkan kejayaan,” katanya.

Untuk video layari www.bharian.com.my